

05 NOV 1999

MAHATHIR LANCAR OPERASI MEMBASMI FITNAH

KUALA LUMPUR, 5 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan Operasi Membasmi Fitnah anjuran Umno pada satu majlis di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Operasi itu adalah susulan kepada keputusan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno bulan lepas bahawa parti itu memerangi secara besar-besaran fitnah yang disebarkan oleh pembangkang.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat bulanan MT Umno malam tadi, Dr Mahathir berkata operasi itu akan menangani fitnah yang berleluasa pada masa ini.

MT Umno pada mesyuaratnya pada 9 Okt lepas mengambil ketetapan untuk melancarkan perang besar-besaran membanteras fitnah dan pembohongan yang disebarkan oleh pembangkang.

-- BERNAMA

AFY MAI